



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

Tarikh: 15 OGOS 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KPDN sita 213kg gula pasir

Ipoh: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak menyita 213 kilogram (kg) gula pasir bertapis kasar dan halus dianggarkan bernilai RM607.05 di sebuah pasar raya di Kampung Gajah di sini, kelmarin.

Pengarahnya Datuk Kamalludin Ismail berkata, ia hasil Ops Samar oleh penguat kuasa KPDN apabila orang ramai mengadu pasar raya berkenaan menjual gula pasir putih bertapis kasar peket 1kg dengan harga RM3 melebihi harga ditetapkan kerajaan iaitu RM2.85.

Beliau berkata, sepasukan anggota penguat kuasa melakukan pemeriksaan menyeluruh dan menemukan sebanyak 213 kg gula kasar berada di dalam premis berkenaan.

Padah jual gula mahal RM3 sepeket

PASIR SALAK – Tindakan sebuah pasar raya di sini menjual gula pasir putih kasar bertapis peket pada harga RM3 sekilogram berbanding RM2.85 yang dibenarkan mengundang padah kelmarin.

Premis di Jalan Laksamana, Seberang Perak, Kampung Gajah telah dikenakan tindakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak dalam satu operasi.

Pengarahnya, Datuk Kamaluddin Ismail berkata, tindakan kes tersebut adalah hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan melalui maklumat orang awam melalui sistem e-aduan.

Beliau berkata, berdasarkan maklumat aduan tersebut, anggota penguat kuasa KPDN telah bertindak membuat Ops Samar dan mendapati pasar raya tersebut telah menjual gula pasir putih bertapis kasar peket 1 kilogram (kg) dengan harga RM3 melebihi harga yang ditetapkan oleh kerajaan iaitu RM2.85.

"Sepasukan anggota penguat kuasa telah melakukan pemeriksaan menyeluruh ke atas premis dan menemui sebanyak 213kg gula kasar berada di dalam premis berkenaan," katanya di sini semalam.

Ujarnya, tindakan telah diambil di bawah Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencahtutan 2011.



PENGUAT KUASA KPDN memeriksa gula pasir putih kasar yang dijual pada harga mahal di sebuah pasar raya di Jalan Laksamana, Seberang Perak, Kampung Gajah di Pasir Salak kelmarin.

Salur aduan jika harga barang naik

SHAH ALAM - Pengguna disaran menyalurkan aduan kepada pihak berkaitan sekiranya terdapat kenaikan harga barang secara drastik berikutan kenaikan gaji penjawat awam.

Naib Presiden dan Penasihat Undang-Undang Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Datuk Indrani Thuraisingham berkata, segelintir pengguna dilihat lebih gemar membuat keluhan tanpa mengambil tindakan.

Menurutnya, terdapat banyak platform untuk pengguna membuat aduan

antaranya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCCC).

Sebagai pengguna bijak kita seharusnya sentiasa pantau harga barang, kalau rasa naik secara mendadak segera buat aduan.

"Kalau hanya harap pemantauan daripada pihak berkuasa kita risau ia tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tambah Indrani, usaha kerajaan me-

naikkan gaji penjawat awam adalah untuk membantu golongan itu mengurangkan kos sara hidup.

"Kalau gaji naik maksudnya kerajaan prihatin tentang masalah penjawat awam. Jadi peniaga tak boleh ambil kesempatan kerana ia akan jejas tujuan kerajaan membantu rakyat berpendapatan rendah dan medium.

"Penalti atau denda lebih tinggi perlu dikenakan kepada peniaga yang melanggar Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan," katanya.

KPDN sita lebih 200kg gula pasir dijual lebih harga

IPOH: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak menyita 213 kilogram (kg) gula pasir bertapis kasar dan halus dianggarkan bernilai RM607.05 di sebuah premis perniagaan di Jalan Laksamana, Seberang Perak di Kampung Gajah pada Selasa.

Pengarahnya Datuk Kamalludin Ismail berkata ia hasil Ops Samar oleh penguat kuasa KPDN berdasarkan aduan orang

awam yang mengadu pasar raya berkenaan menjual gula pasir putih bertapis kasar peket 1kg dengan harga RM3 melebihi harga ditetapkan kerajaan iaitu RM2.85.

Beliau berkata sepasukan anggota penguat kuasa beruniform melakukan pemeriksaan menyeluruh terhadap premis itu dan menemukan sebanyak 213 kg gula kasar berada di dalam premis berkenaan.- Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Keterangan 50 lagi saksi diperlukan bagi siasatan

SPRM buka 11 kertas siasatan babit kes rasuah bina dua lebuhraya lebih RM1.6b

Oleh **Muhammad Hafis Nawawi**
mhafis@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu mengambil kenyataan kira-kira 50 saksi lagi dalam siasatan terhadap pengurusan tertinggi syarikat konsesi lebuhraya yang sebelum ini ditahan kerana disyaki meminta dan menerima rasuah pembinaan dua projek lebuhraya di Lembah Klang bernilai lebih RM1.6 bilion.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata setakat ini 11 individu sudah ditahan, termasuk ketua pegawai eksekutif (CEO) syarikat terbabit dengan 11 kertas siasatan sudah dibuka.

"Tadi (semalam) saya mendapat makluman daripada pegawai siasatan, kertas siasatan sedang giat disiapkan yang mana setiap satu siasatan memerlukan tambahan lima ke enam orang saksi lagi.

"Jadi kalau 11 kertas siasatan maksimum dalam 50 saksi perlu dipanggil memberi keterangan," katanya pada sidang media selepas merasmikan program Inisiatif Pencegahan Rasuah Melalui Pemerkasaan Amalan Pera-



Azam (lima dari kanan) pada program Inisiatif Pencegahan Rasuah Melalui Pemerkasaan Amalan Perakaunan dan Pengauditan, di Kuala Lumpur, semalam.

kaunan dan Pengauditan, di sini, semalam.

Yang hadir sama, Akauntan Negara, Nor Yati Ahmad; Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Datuk Dr Shahrin Sahib@Sahibuddin; Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan), Patimah Ramuji; Ketua Pegawai Eksekutif Institut Akauntan Malaysia (MIA), Dr Wan Ahmad Rudirman Wan Razak; Presiden Institut Setiausaha dan Pentadbir Bertauliah Malaysia (MAICSA), Datuk Akbar Mo-idunny; Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat

malaysia (SSM), Rezy Izwan Ramly dan Pengarah Jabatan Khas Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Datuk Akmal Johari Ismail.

Azam berkata, banyak keterangan perlu dirakamkan daripada kontraktor dan sebagainya.

CEO antara direman

Awal Julai lalu, media melaporkan, lapan individu termasuk seorang CEO dan dua pengurusan tertinggi syarikat konsesi lebuhraya direman SPRM kerana disyaki meminta serta menerima rasuah bernilai lebih RM1.6 bi-

lion membabitkan pembinaan dua projek lebuhraya di Lembah Klang.

CEO bergelar Datuk bersama dua pengurusan tertinggi syarikat konsesi itu dan lima lagi individu yang juga pemilik sebuah syarikat direman.

Mereka ditahan menerusi Ops Lintas antara jam 8 hingga 11 malam ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM dan kini dibebaskan dengan jaminan SPRM selepas tempoh reman masing-masing berakhir; sementara kertas siasatan disiapkan SPRM.

Kuala Lumpur: Penipuan dalam skim pelaburan boleh dielakkan jika pelabur lebih cakna dan ambil tahu status berdaftar syarikat itu.

Setiausaha Agung Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa Malaysia (MHO) Datuk Hishamuddin Hashim berkata, kebanyakan pelabur tertipu dengan tawaran pelaburan melalui syarikat yang tidak diluluskan oleh agensi Suruhanjaya Securititi Malaysia (SC) dan Suruhanjaya Syarikat Ma-

Pelabur boleh elak ditipu jika lebih cakna

laysia (SSM).

"Sebenarnya, bagaimana cara orang ramai untuk mengenal pasti sama ada pelaburan itu sah atau tidak, jawapannya adalah semua pelaburan yang ditawarkan kepada orang awam mestilah berdaftar dengan SC atau SSM.

"Justeru, nak menjadi pelabur ini bukan susah pun. Mereka hanya perlu memastikan syarikat yang menawarkan pelaburan

ini berdaftar atau sudah mendapat kelulusan. Barulah boleh melabur. Jika tiada dua perkara ini, itu yang wujud banyak kes penipuan," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, kedua agensi terbabit mengawal setiap tawaran awam pelaburan sama ada pelaburan persendirian atau dipanggil *private investment* (pelaburan swasta).

"Apa yang lebih jelas

adalah kedua agensi ini mengawal setiap tawaran awam pelaburan sama ada pelaburan persendirian atau dipanggil *private investment*.

"Pelaburan ini contohnya, orang meniaga kecil-kecil dipanggil pelabur, melabur antara tiga hingga empat orang. Itu adalah pelaburan yang tidak dikawal selia atau *unregulated investment*. Sedangkan, negara kita kawal selia

adalah pelaburan awam.

"Apabila tawaran itu dibuat kepada orang ramai iaitu lebih 50 orang, maka ketika itu itu dipanggil tawaran awam. Bagi tawaran awam ini ia dikawal selia oleh dua agensi terbabit.

"Melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia akta terbabit adalah Akta Skim Keptingan 2016 dan satu lagi agensi undang-undang terpakai adalah Akta

Perkhidmatan Pasaran Modal atau Capital Market Service Act," katanya.

Menurutnya, syarikat yang menawarkan pelaburan yang sah ini akan mengeluarkan prospektus yang menyatakan syarikat mereka mendapat kelulusan daripada agensi berkenaan.

"Ini masalahnya pelabur yang tertipu dengan skim pelaburan ini. Mereka tertipu dengan skim pelaburan yang tidak dikawal selia dan tidak mendapat kelulusan," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 15 OGOS 2024

| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
|--------|--|---|------------------------|
| 15-Aug | Lebih 200 kg gula pasir disita, peniaga jual melebihi harga ditetapkan | https://www.buletintv3.my/nasional/lebih-200-kg-gula-pasir-disita-peniaga-jual-melebihi-harga-ditetapkan/ | BULETIN TV3 |
| 15-Aug | LEBIH 200 KG GULA PASIR DIJUAL MELEBIHI HARGA DITETAPKAN DISITA | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2328940 | BERNAMA |
| 15-Aug | Pasar raya kaut untung, jual gula pasir 1kg mahal | https://www.kosmo.com.my/2024/08/14/pasar-raya-kaut-untung-jual-gula-pasir-1kg-mahal/ | KOSMO |
| 15-Aug | Padah jual gula pasir kasar 1kg RM3 | https://mqperak.com/padah-jual-gula-pasir-kasar-1kg-rm3/ | MALAYSIA GAZETTE PERAK |
| 15-Aug | KPDN seizes 213kg of overpriced sugar in Perak supermarket | https://thesun.my/local-news/kpdn-seizes-213kg-of-overpriced-sugar-in-perak-supermarket-OO12859412 | THE SUN |
| 15-Aug | Customer surprised to see his RM7.80 sardine fried rice jump to RM9.30 within 24 hours at KL mamak | https://thesun.my/style-life/going-viral/customer-surprised-to-see-his-rm780-sardine-fried-rice-jump-to-rm930-within-24-hours-at-kl-mamak-MO12858985 | THE SUN |
| 15-Aug | Peniaga kecil semakin terhimpit | https://www.sinarharian.com.my/article/680109/edisi/peniaga-kecil-semakin-terhimpit | SINAR HARIAN |
| 15-Aug | Pelabur perlu lebih cakna elak ditipu | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/08/1122591/pelabur-perlu-lebih-cakna-elak-ditipu | HARIAN METRO |
| 15-Aug | Targeted Diesel Subsidy: Eligible Applicants Told To Register For Fleet Card Immediately | https://malaysiantribune.com/targeted-diesel-subsidy-eligible-applicants-told-to-register-for-fleet-card-immediately/ | MALAYSIAN TRIBUNE |
| 15-Aug | Dua lelaki warga Filipina dihukum penjara 12 bulan, miliki minyak petrol tanpa lesen | https://sabahmedia.com/2024/08/13/dua-lelaki-warga-filipina-dihukum-penjara-12-bulan-kesalahan-memiliki-minyak-petrol-tanpa-lesen/ | SABAH MEDIA |
| 15-Aug | Dua rakyat Filipina miliki barang kawalan dipenjarakan | https://www.dailyexpress.com.my/news/239955/dua-rakyat-filipina-miliki-barang-kawalan-dipenjarakan/ | DAILY EXPRESS |
| 15-Aug | Two Filipinos jailed for illegal possession of controlled items | https://www.dailyexpress.com.my/news/239942/two-filipinos-jailed-for-illegal-possession-of-controlled-items/ | DAILY EXPRESS |